

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 23 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 3**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1311-L16609  
**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimana Kementerian bersama dengan Kementerian Pendidikan dan semua pertubuhan belia dan sukan dapat berganding bahu untuk meningkatkan lagi keberkesanan peranan sukan dalam memupuk semangat patriotik dan perpaduan di kalangan belia pelbagai kaum di negara kita.
2. PN-1311-L16816  
**Datuk Hj Saat bin Hj Abu** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa terdapat banyak AP-AP yang di perolehi syarikat bukan Bumiputera beroperasi di seluruh negara, sedangkan AP-AP yang diluluskan oleh MITI hanya kepada syarikat Bumiputera sahaja.
3. PN-1311-L16843  
**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam situasi kesibukan kehidupan harian masalah seperti stress dan tekanan emosi kian meningkat, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memberi kesedaran serta sokongan kepada rakyat.
4. PN-1311-L16865  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk merealisasikan transformasi pendidikan bagi meningkatkan kadar penyertaan di peringkat kanak-kanak dalam bidang pendidikan Islam awal kanak-kanak.
5. PN-1311-L16543  
**Dato' Lim Nget Yoon** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai calon-calon perempuan di Pusat-pusat Latihan Khidmat Negara yang melahirkan anak dalam masa menjalani latihan. Adakah calon-calon PLKN menjalani pemeriksaan doktor sebelum diterima untuk latihan.

6. PN-1311-L16694  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang impak penurunan harga kereta baru di Malaysia ke atas sektor perniagaan kenderaan terpakai dan bagaimanakah Kementerian merencana langkah strategik bagi menangani impak dan kesan penurunan harga baru agar tidak ada golongan peniaga yang terkesan.
7. PN-1311-L16354  
**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengenai kedudukan harga getah terkini, punca yang membawa kepada kejatuhan harga getah, mekanisme bagi menstabilkan harga getah serta menyatakan sama ada ASEAN boleh menentukan harga getah sesuai dengan kedudukan sebagai pengeluar utama getah dunia. Sejauh manakah tahap persaingan getah asli dengan getah tiruan serta langkah-langkah bagi menangani persaingan itu.
8. PN-1311-L16300  
**Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan bagi memastikan pemantuan pengusaha kantin sekolah terhadap penjualan menu makanan sihat di kantin sekolah seperti dalam garis panduan senarai makanan yang dibenarkan dan apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kempen pemakanan sihat ke sekolah-sekolah.
9. PN-1311-L16728  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sejak keadah-kaedah Pusat Siber (WPKL) berkuat kuasa sejak 15 Jun 2012, berapakah pusat siber yang berlesen dan tidak berlesen di Kuala Lumpur. Oleh kerana permohonan telah dibekukan dan masih ramai pengusaha yang tidak sempat memohon lesen, sama ada pihak penguat kuasa akan mengambil tindakan tertakluk kepada akta tersebut.
10. PN-1311-L16830  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana kejayaan Program Pemutihan 6P yang dimulakan dalam bulan Ogos 2011 dan telah pun tamat mulai Oktober 2012 lalu kerana sehingga ke hari ini masih kedengaran wujudnya masalah yang dibangkitkan oleh Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) dan majikan mereka bahawa agen mereka memberitahu urusan pemutihan untuk mereka masih di dalam proses. Mengapa masalah ini timbul dan sejauh mana Kerajaan berjaya melaksanakan program ini untuk membendung kebanjiran masalah PATI di negara ini.
11. PN-1311-L16899  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapakah sasaran 60% bilangan para penuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi bidang-bidang sains dan teknologi belum tercapai sedangkan itu adalah antara prasyarat-prasyarat asas untuk melayakkan Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020, dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi perkara ini.

12. PN-1311-L16710  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tindakan penyelesaian yang lebih holistik terhadap isu kediaman yang lebih selesa di kalangan masyarakat Orang Asli, termasuk menyediakan rumah mesra rakyat di bawah kendalian Syarikat Perumahan Negara Berhad, ini kerana syarat-syarat yang dikenakan menyukarkan mereka.
13. PN-1311-L16743  
**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan membendung cadangan untuk menaikkan tambang bas khususnya daripada Persatuan Pengusaha Bas Seluruh Malaysia (PMBOA) untuk menaikkan tambang bas sebanyak 30 peratus pada musim perayaan Aidilfitri tahun ini.
14. PN-1311-L16656  
**Tuan Lihan Jok** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan Pusat akan memperhebatkan program pusat pembangunan desa melalui Dasar Pembangunan Luar Bandar yang baru di sesetengah kawasan di Sarawak.
15. PN-1311-L16172  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah baik rangkaian jalan raya dan pengangkutan awam di pantai barat Sabah bagi tempoh 5 tahun yang akan datang dan bilakah sistem pengangkutan Monorail akan dilaksanakan terutamanya di bandar Kota Kinabalu.
16. PN-1311-L16397  
**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan selepas pindaan dibuat ke atas Akta Kerja, 1955, mengenai Kontraktor Tenaga Kerja (Contractor for labour) adakah ianya benar-benar melindungi hak dan kepentingan pekerja.
17. PN-1311-L16636  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
  - (a) apakah polisi terkini dalam aspek penyerapan guru kontrak atau pelantikan guru ke jawatan tetap; dan
  - (b) adakah Kementerian mempunyai polisi yang telus dan terbuka bagi justifikasi pertukaran penempatan guru.
18. PN-1311-L16805  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keperluan membawa masuk sejumlah besar pekerja dari negara Bangladesh ke negara ini memandangkan negara sudah dibanjiri sebegitu ramai pendatang asing termasuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang turut menimbulkan pelbagai masalah sosial dan peningkatan kadar jenayah.

19. PN-1311-L16359  
**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kedudukan terkini dan peratus siap pembinaan Jambatan Sultan Yahya Petra ke-2 di Kota Bharu, Kelantan.
20. PN-1311-L16496  
**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian menangani dakwaan wujudnya gejala "bookie" dan mengatur perlawanan dalam Liga Perdana Malaysia (Liga M).
21. PN-1311-L16248  
**Dato' Nalla K. S.** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini perbicaraan pengganas-pengganas di Lahad Datu. Berapakah jumlah pengganas yang telah ditahan di bawah SOSMA dan sejauh mana kebenaran tragedi ini ada melibatkan dengan propaganda Ketua Pembangkang.
22. PN-1311-L16647  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sehingga ke hari ini, berapa ramai rakyat Malaysia berketurunan India Muslim diberi peluang untuk terlibat dalam program TUKAR dan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).
23. PN-1311-L16291  
**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian akan meluluskan permohonan daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menujuhkan pasukan polis bantuan (auxiliary police) sebagai inisiatif menambahkan kehadiran polis dan sekiranya tidak, nyatakan mengapa.
24. PN-1311-L16831  
**Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa ramaikah pengendali laman sosial seperti facebook dan blog yang menghina Islam, Raja-Raja Melayu dan menjatuhkan maruah negara yang telah didakwa dan dikenakan tindakan mahkamah semenjak tahun 2008.
25. PN-1311-L16501  
**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sepanjang Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak tahun 2004 sehingga 30 Jun 2013 berapakah jumlah kes pelatih yang melahirkan bayi semasa sedang menjalani latihan dan apakah tindakan yang diambil agar kejadian tersebut tidak akan berlaku lagi.
26. PN-1311-L16232  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
  - (a) pelan dan tindakan bagi menarik pelancong-pelancong datang ke Malaysia bagi tahun ini dan menjelang tahun yang akan datang; dan

- (b) bilangan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan namakan pusat-pusat dan produk pelancongan yang menjadi daya tarikan baru.
27. PN-1311-L16620  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah implikasi kepada kebocoran RAHSIA Kerajaan Malaysia akibat daripada pendedahan oleh WikiLeaks dan Edward Snowden baru-baru ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menangani masalah kebocoran RAHSIA Kerajaan di Malaysia dan juga di perwakilan Malaysia di luar negara.
28. PN-1311-L16913  
**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan semua Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh negara supaya mewujudkan "hotline" bagi memudahkan ibu bapa mendapat maklumat terkini berhubung masalah jerebu, banjir dan apa saja keadaan darurat pada masa hadapan.
29. PN-1311-L16389  
**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengenai usaha yang dijalankan berhubung dengan meningkatkan kesedaran sivik di kalangan orang ramai. Berapakah jumlah masa yang diperuntukkan untuk slot kesedaran sivik dalam seminggu di saluran RTM.
30. PN-1311-L16806  
**Datuk Hj Saat bin Hj Abu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) supaya banduan-banduan di benarkan mengundi pada setiap kali pilihan raya diadakan.
31. PN-1311-L16455  
**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan prosedur pemeriksaan dilakukan kepada penumpang oleh Pegawai Keselamatan di KLIA.
32. PN-1311-L16597  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan melihat polarisasi kaum dan corak pengundian pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU 13) lalu sebagai suatu hubungan etnik yang semakin rapuh serta bakal menjadi ancaman sosial terbesar kepada keharmonian kaum di negara ini.
33. PN-1311-L16891  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan pelbagai perbelanjaan tambahan luar jangka, bagaimanakah Kerajaan dapat mengurangkan defisit kepada 4% KDNK pada 2013 dan 3% KDNK pada 2015.

34. PN-1311-L16180  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengapakah semangat patriotik di kalangan rakyat Malaysia sejak kebelakangan ini dilihat semakin merosot dan apakah ada kajian yang telah dibuat dan hasilnya.
35. PN-1311-L16736  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil tindakan setimpal dengan penggubalan undang-undang mencegah rasuah. Mengapa siasatan dan tindakan mahkamah selalunya memakan masa yang panjang sehingga rakyat kurang keyakinan terhadap SPMR.
36. PN-1311-L16407  
**Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menjaga kepentingan pengguna sedia ada yang telah membeli kenderaan pada harga asal serta rangkaian perniagaan kenderaan terpakai (used car dealers) yang di khawatir terjejas ekoran trend penurunan harga kenderaan secara berskala akhir-akhir ini.
37. PN-1311-L16569  
**Dato' Lim Nget Yoon** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bahawa setiap kali seseorang membuat satu kenyataan yang kontroversial, berbagai pihak, seperti NGO, membuat laporan polis terhadapnya. Apakah susulan pihak polis selepas laporan-laporan itu dibuat.
38. PN-1311-L16534  
**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil siasatan dalaman yang dilakukan oleh SPR mengenai kualiti dakwat kekal yang amat rendah mutunya yang digunakan dalam PRU ke-13 baru-baru ini.
39. PN-1311-L16540  
**Dato' Lim Nget Yoon** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bahawa harga racun rumput seperti 'paraquat' dan 'glyphosate' telah dinaikkan harga oleh para penjual. Apakah yang telah membawa kepada kenaikan harga bahan-bahan itu. Adakah pihak Kermenterian memberi subsidi untuk bahan-bahan ini untuk membantu pihak-pihak yang terlibat dengan pertanian.
40. PN-1311-L16338  
**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar keturunan Siam yang dipilih memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Kolej Matrikulasi pada tahun ini. Mengapakah sehingga kini pelajar berketurunan Siam yang mendapat keputusan cemerlang sekurang-kurangnya 7A masih lagi ditolak permohonan mereka ke Institusi Pengajian Tinggi Awam serta Kolej Matrikulasi, dan hanya diterima setelah mereka membuat rayuan, sedangkan Kerajaan sudah berulang kali menyatakan masyarakat Siam adalah Bumiputera.

41. PN-1311-L16424  
**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan atau langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam membantu ibu tunggal untuk berdikari dan tidak lagi bergantung pada bantuan kewangan daripada Kerajaan. Nyatakan bilangan ibu tunggal dan wanita-wanita yang lain yang telah mendapat manfaat dari program 1Azam.
42. PN-1311-L16774  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa klausu resolusi perselisihan digunakan dalam kebanyakan kontrak Kerajaan sedangkan segala pertikaian boleh dihadapkan ke mahkamah.
43. PN-1311-L16371  
**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah wujud polisi atau peraturan yang tidak membenarkan pelajar lepasan UPSR Sekolah Rendah Islam Swasta memohon masuk ke sekolah agama Kerajaan.
44. PN-1311-L16698  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil dalam menangani masalah kenaikan harga rumah yang menjadi isu dan beban kepada rakyat negara ini.
45. PN-1311-L16433  
**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah polisi Kementerian tentang pemberian permit teksi dan kenapa masih ada individu yang membawa teksi tidak diberikan permit.
46. PN-1311-L16458  
**Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jumlah kematian tahanan dalam lokap polis sejak 2006. Apakah perpecahan kematian ini mengikut keturunan kaum dan apa sebabnya tiada inkues secara automatik terhadap mereka yang meninggal dalam lokap polis.
47. PN-1311-L16222  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah petisyen bersabit PRU-13 berdasarkan pecahan daripada parti-parti yang bertanding dalam PRU-13 di peringkat Parlimen dan DUN dari semua negeri; dan
  - (b) secara umumnya, apakah kandungan petisyen dan bilakah semuanya akan diselesaikan.

48. PN-1311-L16687  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan untuk memperinci program dan bajet bagi program Tahun Melawat Malaysia 2014 dan bagaimanakah sasaran Kementerian untuk memastikan penyertaan usahawan Bumiputera dalam sektor pelancongan mendapat impak yang tinggi dan membantu "survival" perniagaan mereka.
49. PN-1311-L16588  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam usaha menaik-taraf fasiliti dan kemudahan ketenteraan yang berpusat di Labuan.
50. PN-1311-L16484  
**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu pemberian tauliah kepada guru Al-Quran. Setakat manakah usaha dan program Kerajaan bagi memberi kesedaran dan galakan kepada guru Al-Quran memohon pentauliahan.
51. PN-1311-L16791  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan benarkah dakwaan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (Nube) bahawa terdapat eksplotasi pekerja dan layanan buruk terharap pekerja wanita hamil di Bank CIMB.
52. PN-1311-L16505  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah kedai runcit 1Malaysia yang telah dibuka di seluruh Malaysia. Berapakah kedai runcit 1Malaysia di kawasan bandar, dan luar bandar.
53. PN-1311-L16210  
**Dr. Lucas Umbul** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan untuk memberi kefahaman kepada rakyat tentang "Goods and Services Tax" (GST) sebelum dilaksanakan sepenuhnya.
54. PN-1311-L16524  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status pembinaan terminal baru KLIA2 untuk kegunaan AirAsia dan syarikat penerbangan bajet yang lain. Apakah punca sebab yang menyebabkan kelewatan pembinaan KLIA2.
55. PN-1311-L16304  
**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan lokasi hospital Kerajaan di mana terdapat Pusat Jantung dan Pusat Barah dan apakah rancangan Kementerian untuk menambah bilangan Pusat Jantung dan Pusat Barah.
56. PN-1311-L16515  
**Puan Chew Lee Giok** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan rumah yang telah dibangunkan oleh PRIMA. Berapakah bilangan rumah PRIMA yang telah dirancang bagi setiap lokasi.

57. PN-1311-L16474  
**Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia terhadap kos perubatan buruh asing di klinik kesihatan dan hospital awam negara dan sejauh manakah Kerajaan dapat menentukan bahawa kepentingan warga Malaysia dalam bidang kesihatan tidak kurangkan ataupun diabaikan.
58. PN-1311-L16238  
**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang membina lebih banyak kompleks guna sama pejabat Persekutuan sebagai langkah Kerajaan bagi meningkatkan sistem penyampai Kerajaan di peringkat daerah khususnya di daerah Marang, Terengganu.
59. PN-1311-L16771  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan yang boleh dikenakan ke atas sekumpulan remaja dipercayai pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Taiwan di atas tindakan biadap mereka mempamerkan bendera Malaysia secara di terbalikkan kononnya sebagai tanda protes membantah keputusan pilihan raya baru-baru ini.
60. PN-1311-L16234  
**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggubal Akta Derhaka bagi membendung perbuatan menghina Institusi Raja-Raja Melayu yang berleluasa dalam kalangan anak-anak muda kebelakangan ini dan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan semula Akta ISA bagi menjamin keamanan dan keselamatan negara.
61. PN-1311-L16446  
**Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam usaha memberi pendedahan kepada murid sekolah rendah dan menengah dalam kemahiran Bahasa Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain di sekolah-sekolah aliran kebangsaan.
62. PN-1311-L16875  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status keberkesanan Akta 700, Akta Agensi Integriti Penguatkuasaan, dan nyatakan statistik kes di bawah Akta ini sejauh ia dikuatkuasakan.
63. PN-1311-L16202  
**Dr. Lucas Umbul** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pekerjaan yang berjaya diwujudkan menerusi pelaksanaan Projek Mega Sabah dan Gas Terminal (SOGT) di Kimanis, Sabah.
64. PN-1311-L16783  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memansuhkan pinjaman PTPTN selepas meneliti keputusan pilihan raya yang lalu.

65. PN-1311-L16711  
**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tahap pelaksanaan penurunan harga kereta bagi kesemua jenama kereta di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi memastikan penurunan harga kereta akan dilaksanakan seperti dijanjikan di dalam manifesto PRU-13 langkah demi langkah.
66. PN-1311-L16882  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan dan kawalan terhadap kesan negatif melalui internet ini sebagaimana dilakukan oleh China dan Singapura.
67. PN-1311-L16709  
**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pengambilan pelajar ke IPTA bagi tahun 2012 dan 2013 mengikut kursus dan pecahan bangsa. Antaranya, berapakah pelajar luar negara (pelajar asing) yang ditawarkan untuk meneruskan pelajarannya di IPTA dan kursus-kursus yang ditawarkan kepada mereka.
68. PN-1311-L16342  
**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Sekolah Menengah Agama Negeri yang berdaftar dengan Kementerian dan jumlah bantuan kewangan dan peralatan yang telah diberikan mengikut negeri.
69. PN-1311-L16610  
**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab-sebabnya projek Light Monorail Transit (LRT) untuk negeri Pulau Pinang yang pernah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri pada awal tahun 2007 tidak atau belum dapat dilaksanakan sehingga sekarang. Adakah Kerajaan Negeri pernah memberitahu pendiriannya terhadap projek ini.
70. PN-1311-L16659  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pengguna-pengguna lebuhraya membayar tol untuk keselesaan pemanduan dan tiba ke destinasi dengan cepat dan selamat. Namun seringkali pengguna lebuhraya terpaksa berhadapan dengan kesesakan lalu lintas yang teruk setiap hari. Sebagai contoh, laluan di Shah Alam 'interchange' ke Damansara, dari Damansara ke Subang dan dari Nilai ke Seremban. Apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu ini.
71. PN-1311-L16821  
**Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa ramaikah bekas anggota tentera yang telah dikurniakan tanah perumahan dan pertanian di seluruh negara seperti mana yang dinyatakan di dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) 1973 yang menggariskan bahawa setiap anggota tentera berhak untuk memohon 20 ekar tanah pertanian dan 2 unit tanah perumahan dari Kerajaan melalui Kementerian.

72. PN-1311-L16411

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pencapaian setakat ini dengan pecahan mengikut sektor-sektornya dan pelan tindakan untuk mencapai sasaran 30 peratus wanita di sektor korporat dilantik sebagai pengarah-pengarah di syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Sekiranya belum tercapai, apakah perancangan terperinci yang dibuat untuk mempercepatkan proses ini.

73. PN-1311-L16643

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) perbandingan kadar caj internet bagi Malaysia dan lain-lain negara ASEAN, Korea Selatan, Jepun dan Australia; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan caj internet di Malaysia.

74. PN-1311-L16471

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik untuk tempoh lima tahun, berkaitan kes-kes keganasan domestik membabitkan keganasan rumah tangga mengikut jenis-jenis keganasan yang dilakukan, kecederaan dan kecacatan anggota fizikal, menghadapi tekanan emosi dan kematian di negara ini.

75. PN-1311-L16187

**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju bahawa dividen KWSP bagi tahun 2012 iaitu sebanyak 6.15 peratus sepatutnya lebih tinggi dan ramai pihak mengatakan perkara yang sama.

76. PN-1311-L16744

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan wanita yang telah didaftarkan dalam senarai Daftar Program Pengarah-Pengarah Wanita (WDP) bagi mengenal pasti calon yang sesuai untuk ditempatkan sebagai ahli lembaga pengarah khususnya bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita mengisi jawatan penting sebagai pembuat dasar dalam sektor korporat menjelang 2016.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** akan mencadangkan:-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersempahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

#### **Menyambung semula Perbahasan atas masalah (22 Julai, 2013)**

- |                  |  |                               |
|------------------|--|-------------------------------|
| 2. (D.R. 4/2013) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|------------------|--|-------------------------------|

[ Menteri Kewangan ]

3. PN-1311-U16251

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli-ahli Dewan Negara Barisan Nasional merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas titah ucapan baginda pada 25 Jun 2013 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sesungguhnya titah ucapan tersebut perlu dihayati oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan anutan kepercayaan masing-masing. Titah ucapan baginda ternyata amatlah baik dan berkesan untuk keamanan, perpaduan, kesejahteraan, kebaikan, kemakmuran semua pihak, rakyat dan negara ini."

[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]

4. PN-1311-U16252

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli Dewan Negara dari Barisan Nasional merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional pada PRU-13 baru-baru ini. Kami juga merakamkan tahniah kepada YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Turut merakamkan tahniah kepada semua Menteri, Timbalan Menteri dan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, serta juga kepada Senator-Senator baru yang telah dilantik. Semoga mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, amanah, bertanggungjawab, cemerlang dan terbilang demi kesejahteraan rakyat dan negara."

[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]

5. PN-1311-U16256

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan menangani isu jerebu yang saban tahun berlaku dan sentiasa berulang di negara ini. Kami berharap Kerajaan dapat menyelesaikan isu ini dalam bentuk jangka panjang agar tidak berulang kembali. Kami juga menyeru supaya satu usaha dibuat diantara Kerajaan Malaysia dan Indonesia secara bersungguh-sungguh, menyeluruh, bersifat proaktif serta tidak berulang lagi."

[ **Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar** ]

6. PN-1311-U16257

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan mengutamakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan daripada rakyat asing. Kita sedar bahawa sekarang ini terlalu ramai rakyat asing sama ada yang halal atau haram (PATI) bekerja di negara ini.

Dianggarkan sekitar 5 juta orang. Ini mengancam peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan keselamatan negara. Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan merancang dan berusaha untuk mengurangkan kedatangan rakyat asing dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja mereka dan sebaliknya diganti oleh rakyat tempatan yang sekarang ini banyak menganggur. Oleh itu satu cetak biru dan tindakan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang wajib dilaksanakan segera bagi menghindarkan terjadinya seperti kata pepatah "kera di hutan disusukan, anak dibuaian ditinggalkan."

[ **Menteri Sumber Manusia** ]

7. PN-1311-U16387

**Dato' Boon Som a/l Inong** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen. Pindaan ini perlu memandangkan tempoh tiga tahun adalah sangat terhad untuk membolehkan seseorang Ahli Dewan Negara memberi perkhidmatan dengan berkesan. Sungguhpun Ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan tertentu dan pengundi, mereka mewakili kelompok tertentu dan mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap kelompok yang diwakilinya, terutama bagi Ahli Dewan Negara yang dilantik mewakili masyarakat minoriti seperti Masyarakat Siam. Bahkan kadangkala peranan Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat minoriti hampir-hampir menyamai peranan Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menerusi pilihan raya. Bahkan ditinjau di negara-negara jiran di rantau ASEAN ini yang juga mengamalkan sistem bicameralism, didapati Senator di Indonesia memegang jawatan selama lima tahun manakala di Thailand dan Filipina pula selama enam tahun.

Dengan pindaan ini kelak akan meletakkan Senator di Malaysia setara dengan rakan sejawat mereka di negara jiran. Begitu juga dengan elaun dan kemudahan Ahli Parlimen, kajian semula perlu dilakukan supaya bersesuaian dengan keadaan semasa, terutama dari segi ekonomi, serta tanggungjawab yang dipikulnya. Sejak Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 diwartakan, kali terakhir gaji Ahli Parlimen disemak adalah pada tahun 2005. Dibandingkan dengan negara jiran, gaji Ahli Parlimen di negara ini jauh lebih rendah. Ahli Parlimen negara ini memperoleh RM6,500 sebulan berbanding Ahli Parlimen Singapura (RM33,589), Indonesia (RM18,000) dan Thailand (RM11,534). Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan serius bagi meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2013</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Bagi Tahun 2011.	23 Julai 2013
ST.9	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bagi Tahun 2011.	23 Julai 2013
ST.12	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia Bagi Tahun 2011.	23 Julai 2013
ST.16	Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2012.	23 Julai 2013